



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN ANTARA GAYA BELAJAR DENGAN
TAHAP PENGUASAAN PELAJAR SEKOLAH
MENENGAH TERHADAP KONSEP DAYA DAN
GERAKAN DI DAERAH LARUT



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

NUR NAZIRA BINTI MOHD SAMIN

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



HUBUNGAN ANTARA GAYA BELAJAR DENGAN TAHAP PENGUASAAN
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH TERHADAP KONSEP DAYA DAN
GERAKAN DI DAERAH LARUT

NUR NAZIRA BINTI MOHD SAMIN



LAPORAN DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN(FIZIK)

FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024





PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 6 Februari 2024

Perakuan pelajar :

Saya Nur Nazira binti Mohd Samin bernombor matrik D20201093681 dari Fakulti Sains dan Matematik dengan ini mengaku bahawa laporan disertasi/tesis yang bertajuk Hubungan antara Gaya Belajar dengan Tahap Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah terhadap Konsep Daya dan Gerakan di daerah Larut adalah hasil kerja saya sendiri. Saya juga tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mempunyai sumber, hak cipta telah saya laksanakan dengan cara yang dibenarkan dan wajar. Setiap petikan, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mempunyai hak cipta telah ditulis dengan jelas dan lengkap dalam kajian ini.

Tandatangan pelajar



PENGHARGAAN

Pertama sekali, Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT dengan izin dan limpah kurniaan-Nya dan Rahmat-Nya , saya berjaya menyiapkan laporan projek tahun akhir dalam masa yang telah diperuntukkan agar saya boleh memenuhi syarat untuk menggenggam segulung Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Fizik) dengan Kepujian di Universiti Pendidikan Sultan Idris(UPSI).Saya amat berterima kasih kepada diri sendiri kerana sentiasa bangun semula dan tidak berputus asa dalam memastikan projek tahun akhir ini berjaya disiapkan dengan baik walaupun menghadapi banyak cabaran dan halangan.

Terlebih dahulu, setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada pensyarah penyelia saya iaitu Dr. Anis Nazihah binti Mat Daud kerana banyak mendorong serta memberi tunjuk ajar sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Penghargaan ini saya tujukan juga kepada Dr. Nurul Syafiqah Yap Abdullah, Dr. Anis Diyana binti Halim serta Dr. Siti Norsaila binti Alias kerana telah meluangkan sedikit masa dengan bersetuju untuk menjadi pakar kesahan bagi instrumen soal selidik kajian ini.

Tidak dilupakan juga jutaan terima kasih saya titipkan kepada seluruh warga SMK Sri Kota, Taiping terutamanya pihak pentadbir dan guru-guru kerana memberi saya keizinan bagi menjalankan kajian dengan lancar di sekolah tersebut. Selain itu, para pelajar sekolah menengah Tingkatan 3 dan 4 di sekolah ini juga saya ucapkan terima kasih kerana sudi menjadi responden bagi kajian ini dengan meluangkan masa bagi menjawab borang soal selidik yang telah diberikan. Seterusnya, sokongan , pendapat dan kata-kata semangat daripada ibu saya, Zainobun binti Wahab , bapa saya Mohd Samin bin Abd Hamid serta keluarga semasa saya menjalankan kajian ini adalah amat saya hargai sepanjang proses kajian tahun akhir ini dijalankan. Tidak terkecuali, rakan-rakan seperjuangan saya yang menjadi sebahagian daripada perjalanan projek tahun akhir ini disiapkan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah melibatkan diri secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang perjalanan kajian ini dijalankan. Semoga Allah SWT merahmati kebaikan dan memudahkan urusan kalian.





ABSTRAK

Kajian ini adalah dijalankan bagi mengenalpasti gaya belajar pelajar sekolah menengah di daerah Larut. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan pelajar sekolah menengah terhadap konsep Daya dan Gerakan di daerah Larut. Seterusnya, hubungan antara gaya belajar dengan tahap penguasaan pelajar sekolah menengah terhadap konsep Daya dan Gerakan di daerah Larut adalah ditentukan. Kaedah yang digunakan bagi mendapatkan data kajian adalah memilih sampel kajian menggunakan teknik pensampelan rawak mudah melibatkan seramai 85 orang pelajar sekolah menengah tingkatan 3 dan 4 di daerah Larut. Kajian ini menggunakan satu set borang soal selidik. Data dalam kajian ini adalah dianalisis menggunakan perisian *Stastical Package for Social Science (SPSS) version 16.0* untuk menentukan frekuensi, min, peratus dan pekali korelasi. Seterusnya, data kajian adalah menunjukkan gaya belajar pelajar sekolah menengah adalah secara berkumpulan (94.1%) dan tahap penguasaan konsep Daya dan Gerakan adalah pada tahap sederhana (50%). Bagi hubungan antara gaya belajar dan tahap penguasaan konsep Daya dan Gerakan adalah menunjukkan bahawa terdapat hubungan sederhana, signifikan kuat, korelasi positif bagi gaya belajar matematikal ($r=0.33, p=0.22$) dengan subtopik Kesan Daya dan Keseimbangan Daya, hubungan tidak signifikan bagi gaya belajar berkumpulan dengan semua subtopik Konsep Daya dan Gerakan dan gaya belajar muzikal dengan semua subtopik kecuali Keseimbangan Daya, hubungan lemah, signifikan kuat dan positif bagi gaya belajar individu dengan subtopik Keseimbangan Daya ($r=0.28, p=0.01$) serta hubungan lemah, signifikan kuat dan korelasi negatif bagi gaya belajar visual dan subtopik Gerakan Linear ($r=-0.26, p=0.02$). Daripada dapatan ini, kajian adalah menunjukkan bahawa gaya belajar dominan pelajar sekolah menengah adalah gaya belajar berkumpulan, tahap penguasaan konsep Daya dan Gerakan adalah sederhana manakala hubungan antara gaya belajar berkumpulan dengan tahap penguasaan konsep Daya dan Gerakan adalah pelbagai mengikut dimensi dan subtopik dalam konsep dikaji. Maka, guru boleh melaksanakan PdP berorientasikan pembelajaran individu dan matematikal untuk meningkatkan tahap penguasaan pelajar terhadap konsep Daya dan Gerakan.





THE RELATIONSHIP BETWEEN LEARNING STYLES AND SECONDARY SCHOOL STUDENTS' MASTERY OF THE CONCEPTS OF FORCE AND MOTION IN LARUT DISTRICT

ABSTRACT

This study was conducted to identify the learning style of high school students in Larut. Then, this study aims to identify the level of mastery of high school students on the concepts of Force and Motion in Larut. Next, the relationship between learning style and the level of mastery of high school students on the concepts of Force and Motion in Larut was determined. The method used to obtain research data is to select a study sample using a simple random sampling technique that involves a total of 85 secondary school students in form 3 and 4 in Larut. This study uses a set of questionnaires. The data in this study was analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 16.0 software to determine the frequency, mean, percentage and correlation coefficient. Then the data shown that the learning style of secondary school students is in groups (94.1%) and the level of mastery of the concepts of Force and Motion is at a moderate level (50%). For the relationship between learning style and the level of mastery of the concept of Force and Motion, it shows that there is a moderate, strong significant relationship, a positive correlation for mathematical learning style with the subtopic of Force Effect and Force Balance ($r=0.33, p=0.002$), a non-significant relationship for style group learning with all subtopics Concept of Force and Motion and musical learning style with all subtopics except Force Balance, weak relationship, strong and positive significance for individual learning style with Force Balance subtopic ($r=0.28, p=0.01$) as well as a weak relationship, strong significance and negative correlation for the visual learning style and Linear Motion subtopic ($r=-0.26, p=0.02$). From these findings, the study shows that the learning style of high school students is a group learning style, the level of mastery of the concept of Force and Movement is moderate while the relationship between the group learning style and the level of mastery of the concept of Force and Movement is diverse according to the dimensions and subtopics in the studied concepts. Thus, teachers can implement PdP oriented towards individual and mathematical learning to increase students' mastery of the concept of Force and Motion.



KANDUNGAN

	Muka surat
PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Hipotesis Kajian	11
1.7 Kerangka Konseptual Kajiandan Kerangka Teori Kajian	12
1.8 Kepentingan Kajian	
1.8.1 Pelajar	15
1.8.2 Guru	16
1.8.3 Kementerian Pendidikan Malaysia(KPM)	16

1.9 Limitasi /Skop Kajian	
1.9.1 Skop Kajian	17
1.9.2 Populasi Kajian	17
1.9.3 Instrumen Kajian	18
1.10 Definisi Operasi	
1.10.1 Gaya Belajar	19
1.10.2 Tahap Penguasaan	20
1.11 Rumusan	22

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	23
2.2 Teori Kecerdasan Pelbagai Howard Gardner	23
2.3 Gaya Belajar Pelajar Sekolah Menengah	26
2.4 Teori Kognitivisme	31
2.5 Tahap Penguasaan Konsep Daya dan Gerakan	33
2.6 Hubungan antara Gaya Belajar dengan Tahap Penguasaan Konsep Fizik	36
2.7 Rumusan	40

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	41
3.2 Reka Bentuk Kajian	41
3.3 Populasi dan Pensampelan	42

3.4 Instrumen Kajian	
3.4.1 Borang Kesahan Pakar	43
3.4.2 Borang Soal Selidik	43
3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	
3.5.1 Kesahan	47
3.5.2 Kebolehpercayaan	48
3.6 Prosedur Pengumpulan Data	50
3.7 Prosedur Penganalisan Data Kajian	51
3.7.1 Analisis Gaya Pelajar Pelajar Sekolah Menengah	52
3.7.2 Analisis Tahap Penguasaan Konsep Daya dan Gerakan	53
3.7.3 Analisis Hubungan antara Gaya Belajar dengan Tahap Penguasaan bagi Pelajar Sekolah Menengah di daerah Larut Terhadap Konsep Daya dan Gerakan	55
3.8 Rumusan	

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan	57
4.2 Analisis Gaya Belajar Pelajar Sekolah Menengah	57
4.2.1 Analisis Gaya Belajar Pelajar Sekolah Menengah Mengikut Dimensi	60
4.3 Analisis Tahap Penguasaan dalam Konsep Daya dan Gerakan	68

4.3.1 Analisis Tahap Penguasaan dalam Konsep Daya dan Gerakan Mengikut Topik	71
4.4 Analisis Hubungan antara Gaya Belajar dengan Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah terhadap Konsep Daya dan Gerakan	74
4.4.1 Hubungan antara Gaya Belajar Berkumpulan dengan Tahap Penguasaan	78
4.4.2 Hubungan antara Gaya Belajar Individu dengan Tahap Penguasaan	78
4.4.3 Hubungan antara Gaya Belajar Visual dengan Tahap Penguasaan	80
4.4.4 Hubungan antara Gaya Belajar Muzikal dengan Tahap Penguasaan	81
4.4.5 Hubungan antara Gaya Belajar Matematikal dengan Tahap Penguasaan	82
4.5 Rumusan	83

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	84
5.2 Ringkasan Kajian	84
5.2.1 Gaya Belajar Pelajar Sekolah Menengah	86
5.2.2 Tahap Penguasaan Konsep Daya dan Gerakan	86
5.2.3 Hubungan antara Gaya Belajar dengan Penguasaan Konsep Daya dan Gerakan	87



5.3 Implikasi Kajian 88

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan 89

5.5 Kesimpulan 90

RUJUKAN 91

LAMPIRAN 94



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka surat
3.1	Dimensi Gaya Belajar IGBF	42
3.2	Skala Likert	42
3.3	Konsep Daya dan Gerakan FCIspm	43
3.4	Skor Kesahan Kandungan oleh Pakar	45
3.5	Nilai Skor Alpha Cronbach	46
3.6	Ujian Statistik mengikut Soalan Kajian	49
3.7	Penerangan Min Skor Gaya Belajar	50
3.8	Julat Peratusan Markah Tahap Penguasaan Konsep Daya dan Gerakan	51
3.9	Penerangan nilai Rujukan Pekali Spearman	53
3.10	Penerangan nilai interpretasi nilai p	53
4.1	Gaya belajar pelajar sekolah menengah secara keseluruhan	56
4.2	Skor purata mengikut item dalam dimensi gaya belajar berkumpulan	58

4.3	Skor peratus mengikut item dalam gaya belajar individu	59
4.4	Skor peratus bagi setiap item dalam dimensi gaya belajar Visual	61
4.5	Skor peratus bagi setiap item dalam dimensi gaya belajar Muzikal	63
4.6	Skor peratus bagi setiap item dalam dimensi gaya belajar Matematikal	64
4.7	Skor peratus tahap penguasaan konsep Daya dan Gerakan secara keseluruhan	66
4.8	Tahap penguasaan dalam konsep Daya dan Gerakan Mengikut Topik	67
4.9	Hubungan antara Gaya Belajar dengan Tahap Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Konsep Daya dan Gerakan secara keseluruhan.	71
4.10	Hubungan antara gaya belajar berkumpul dengan tahap penguasaan konsep daya dan gerakan	74

4.11	Hubungan antara gaya belajar individu dengan tahap penguasaan konsep daya dan gerakan	75
4.12	Hubungan antara gaya belajar visual dengan tahap penguasaan konsep daya dan gerakan	76
4.13	Hubungan antara gaya belajar muzikal dengan tahap penguasaan konsep daya dan gerakan	77
4.14	Hubungan antara gaya belajar matematikal dengan tahap penguasaan konsep daya dan gerakan	78



SENARAI RAJAH

No.		Muka surat
	Rajah	
1.1	Kerangka konseptual kajian	13
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	48





SENARAI SINGKATAN

BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
FCIspm	Force Inventory Concept Sijil Pelajaran Malaysia
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
SPSS	Statistical Package for the Social Science
IGBF	Instrumen Gaya Belajar Pelajar Fizik



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini adalah memerihalkan tentang beberapa perkara asas terkandung dalam kajian yang merangkumi latar belakang kajian,pendekatan teori ,pernyataan masalah dan juga persoalan kajian. Selain itu, kajian ini juga menerangkan tentang tujuan kajian ,objektif kajian , signifikasi kajian, definisi pembolehubah kajian, limitasi kajian dan juga hipotesis kajian yang akan dijalankan.

1.2 Latar belakang kajian

Fizik adalah merupakan antara cabang mata pelajaran dalam bidang Sains yang juga termasuk dalam salah satu skop pendidikan STEM. STEM ini adalah gabungan akronim yang membawa maksud S sebagai Sains,T adalah ‘Teknologi’, E ialah Kejuruteraan(Engineering) serta M adalah dan ‘Matematik’. Malaysia adalah salah satu

negara yang menekankan pendidikan STEM sejajar dengan perkara yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) pada tahun 2013 hingga 2025. (Lilia Halim & Nur Amelia Adam, 2019). Terdapat beberapa dasar yang menyokong perancangan dalam pendidikan STEM ini iaitu yang pertama adalah Dasar 60% bagi Sains : 40% untuk Sastera yang dikenali sebagai dasar 60:40, dasar Wawasan 2020, PPPM 2013 hingga 2025 serta Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN). Dalam menerangkan skop bidang Fizik sahaja, aspek yang ditekankan dalam pembelajaran adalah melibatkan tiga ciri utama iaitu melibatkan skop pembelajaran iaitu di persekitaran sekolah dan juga pada peringkat tertiar serta pakej mata pelajaran iaitu kombinasi mata pelajaran bidang Sains berkaitan dengan pengkhususan STEM yang lain. Selain itu, aspek ketiga adalah melibatkan pendekatan pembelajaran dan pengajaran (PdPc) iaitu dengan mengaplikasikan ilmu pengetahuan yang diperoleh dalam kehidupan, kemahiran yang ada pada diri sendiri dan nilai yang dimiliki untuk menyelesaikan masalah. Apabila pengaplikasian ketiga-tiga aspek ini dilaksanakan dengan baik maka bidang Fizik akan lebih melonjak pada masa akan datang.

Namun begitu, berdasarkan dasar 60:40 iaitu nisbah yang diinginkan mengenai peratus penyertaan pelajar aliran Sains hendaklah melebihi peratusan pelajar aliran Sastera, sasaran ini tidak dapat dicapai (Suhanna, Lilia, Zanaton, 2016) serta menunjukkan kemerosotan pemilihan aliran Sains di sekolah dalam kalangan pelajar yang lebih menyumbang peratusan penyertaan mereka ke aliran Sastera. (Mohd Salleh Abu, Mohamad Bilal Ali, Fatin Aliah Phang & Salmiza Salleh, 2014). Hal ini juga adalah

membimbangkan dalam pemilihan subjek Fizik yang semakin berkurangan pada hari ini. Hal ini adalah kerana mata pelajaran dalam bidang Sains ini dirasakan lebih memerlukan fokus yang tinggi dan ketelitian yang mantap agar dapat memahami kandungan mata pelajaran tersebut.(Nadia Abdul Rahim et. Al.,2021). Perkara ini adalah berkait rapat dengan gaya belajar pelajar untuk menguasai subjek aliran Sains iaitu Fizik ini kerana pemilihan gaya belajar yang tepat mampu membantu pelajar lebih menguasai konsep Fizik sama ada mereka memilih belajar secara berkumpulan, individu, visual. muzikal mahupun matematikal yang mungkin memberi impak dalam pembelajaran mereka.

Selain itu, gaya belajar merupakan aspek terpenting dalam memastikan proses belajar berjalan dengan lancar. Hal ini adalah kerana gaya belajar setiap pelajar yang berbeza dalam mendalami ilmu pengetahuan yang diperoleh menentukan kejayaan pemahaman kandungan pembelajaran. Hal ini adalah penting untuk mengelakkan pembelajaran menjadi sia-sia. Di samping itu, gaya belajar ini juga merupakan faktor yang menyumbang kefahaman dalam pembelajaran konsep Daya dan Gerakan kerana konsep ini mempunyai banyak subtopik yang perlu dikuasai dari segi konsep, eksperimen serta pengaplikasian dalam pengiraan.(Ahmad Tarmimi & Shahrul Kadri Ayop, 2016). Menurut Farah Wazera Mohamed Jaafer Sadiq & Mohammad Mujaheed Hassan. (2021), penyesuaian minat pelajar dengan gaya belajar merupakan faktor terpenting agar dapat mengelakkan wujudnya perasaan hilang minat untuk belajar disebabkan rasa bosan. Oleh itu, terdapat beberapa gaya belajar yang sering menjadi pilihan pelajar dalam memastikan mereka mudah memahami kandungan pembelajaran dalam konteks Fizik ini.

Antara gaya belajar yang ditekankan menerusi kajian ini adalah mengikut instrumen Gaya Belajar Fizik(IGBF) iaitu gaya belajar secara berkumpulan, individu, visual, muzikal dan matematikal.(Hayati Ibrahim,2007). Gaya belajar secara kumpulan adalah seorang pelajar itu memilih untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran dalam kumpulan iaitu jika berstruktur dikenali sebagai pembelajaran secara koperatif. Sebagai contoh dalam konteks Fizik, pelajar perlu melakukan aktiviti eksperimen secara berkumpulan berbanding secara individu agar lebih mudah. Selain itu, bagi pembelajaran secara individu ini adalah dipanggil sebagai pembelajaran secara sendirian berdasarkan kepercayaan kepada diri sendiri yang melibatkan kebolehan melaksanakan sesuatu perkara berkaitan akademik,tugas dan aktiviti.(Farah Wazera Mohamed Jaafer Sadiq & Mohammad Mujaheed Hassan, 2021).Bagi pembelajaran secara visual adalah melibatkan gambar,video yang berkaitan atau video lakonan yang sering digunakan pelajar yang lebih memahami video sesuatu konsep Fizik misalnya video kemalangan kereta untuk menerangkan konsep momentum. Bagi gaya belajar secara muzikal, ini adalah jenis pelajar yang lebih suka mendengar lagu berkaitan Fizik, mendengar semula rakaman audio kelas agar lebih mudah faham. Akhir sekali adalah gaya belajar secara matematikal iaitu gaya pembelajaran yang melibatkan pengiraan menggunakan rumus matematik yang dikatakan lebih mudah difahami oleh pelajar. Maka, kesemua gaya belajar ini adalah yang digunakan pelajar terutamanya dalam subjek Fizik bermula daripada tingkatan empat sehingga melanjutkan pelajaran ke institusi pendidikan lebih tinggi.

Seterusnya, tahap penguasaan pelajar dalam sesuatu mata pelajaran termasuklah konsep Fizik iaitu konsep Daya dan Gerakan juga berada pada tahap membimbangkan

sejak akhir-akhir ini.. Hal ini adalah berdasarkan kajian bahawa 80% responden dipercayai menyatakan mengenai soalan Fizik sebagai sesuatu yang mencabar (Olusula, 2012). Menurut Ahmad Tarmimi dan Shahrul Kadri Ayop, (2016) topik konsep Daya dan Gerakan dalam pembelajaran Fizik adalah topik yang memerlukan tahap kefahaman konsep yang baik dan tinggi agar dapat menguasai kesemua konsep dalam setiap subtopik yang dipelajari tentang topik Daya dan Gerakan. Sebagai contoh, terdapat banyak salah konsep yang berlaku seperti dalam pemahaman konsep daya bertindak dalam beberapa keadaan seperti pegun dan mempunyai laju dengan daya yang besar. Hal ini terbukti dalam penganalisan jawapan daripada kertas peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia bagi kertas 2 dan 3 mata pelajaran Fizik pada tahun 2007 dan 2010 yang menunjukkan bahawa kualiti jawapan pelajar tentang konsep Fizik adalah berada pada peringkat sederhana (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2007; 2010). Hal ini menunjukkan tahap penguasaan pelajar Fizik tentang konsep masih perlu dipertingkatkan untuk mendapatkan hasil pencapaian pembelajaran yang lebih baik. Gaya belajar merupakan aspek terpenting dalam memastikan proses belajar berjalan dengan lancar. Hal ini adalah kerana gaya belajar setiap pelajar yang berbeza dalam mendalami ilmu pengetahuan yang diperoleh menentukan kejayaan pemahaman kandungan pembelajaran. Hal ini adalah penting untuk mengelakkan pembelajaran menjadi sia-sia.

Maka, berdasarkan kedua-dua pembolehubah bersandar dan tidak bersandar di atas, satu kajian perlu dijalankan untuk mengenalpasti hubungan antara gaya belajar dengan tahap penguasaan pelajar sekolah menengah terhadap konsep Daya dan Gerakan

di daerah Larut. Hal ini adalah untuk mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut tentang topik yang dikaji ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Gaya belajar adalah secara umumnya melibatkan cara atau stail pembelajaran seseorang. Hal ini adalah merangkumi kaedah seseorang pelajar itu bertindak agar dapat memberi tumpuan dan menghasilkan tindakan untuk memproses, memperoleh maklumat, ilmu atau pengalaman. (Farah Wazera Mohamed Jaafer Sadiq, Mohammad Mujaheed Hassan, 2021). Gaya belajar yang kurang sesuai akan mempengaruhi pembelajaran Fizik. Hal ini dikatakan demikian kerana, dalam pembelajaran Fizik ini melibatkan pelbagai bentuk penyampaian pembelajaran sama ada dari segi verbal, auditori atau kinestetik, matematikal mahupun visual melalui pembelajaran teori dan juga praktikal. Pelajar adalah insan yang bertanggungjawab untuk memilih cara pembelajaran mereka setelah melalui proses pembelajaran di bilik darjah. Menurut Muhammad Dzharil Shah Andarin dan Noor Raudhiah Abu Bakar (2017); Nadia Abdul Rahim et. al, (2021), pelajar berbeza adalah individu yang mempunyai gaya belajar masing-masing dalam proses untuk memperoleh dan bertindak balas serta mengaplikasikan segala bentuk rangsangan dalam proses pembelajaran. Hal ini menunjukkan gaya pembelajaran yang tepat penting untuk menentukan pelajar faham atau tidak tentang sesuatu pembelajaran. Gaya belajar yang berbeza dalam kalangan pelajar di sekolah adalah salah satu sebab dalam menentukan gagal atau lulus dalam mata pelajaran penting di sekolah iaitu termasuklah dalam subjek Fizik apabila mereka gagal memberikan tumpuan dan perhatian dengan baik

menggunakan gaya belajar tersendiri, maka ini boleh mempengaruhi pencapaian dalam pelajaran. Menurut Farah Wazera Mohamed Jaafer Sadiq dan Mohammad Mujaheed Hassan (2021), sekiranya gaya belajar yang dipraktikkan berpadanan dengan diri seseorang individu tersebut maka ini dapat menghindari perasaan tidak gemar untuk belajar akibat daripada berasa bosan. Di samping itu, menurut H. Hermansyah et al., (2021), gaya belajar berbentuk auditori dan kinestetik adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada cara yang lebih mudah untuk menguasai konsep Fizik berbanding gaya belajar visual. Selain itu, gaya belajar pelajar Fizik secara analitik dan holistik juga memberi sumbangan terbesar dalam pemahaman konsep Fizik manakala bagi gaya belajar secara auditori dan kinestetik adalah berada pada tahap yang sederhana. (A.Halim et al.,2021). Menurut, Amiruddin Kade et al., (2019), pelajar Fizik yang mempunyai gaya belajar konverger lebih menguasai pemahaman dalam konsep Fizik berbanding gaya pembelajaran diverger. Oleh itu, ini adalah menunjukkan bahawa gaya belajar yang terbaik itu penting agar pelajar dapat membina tahap penguasaan topik pembelajaran dengan berkesan dan menjadi lebih minat untuk belajar.

Selain itu, tahap penguasaan terhadap tajuk Daya dan Gerakan adalah kurang memuaskan sejak akhir-akhir ini. Hal ini adalah kerana topik ini mempunyai lapan subtopik yang perlu dikuasai oleh pelajar yang melibatkan hukum Newton. Terdapat pelbagai salah konsep yang berlaku dalam tajuk ini menyebabkan pelajar memperoleh pencapaian yang rendah iaitu apabila kefahaman mereka tidak berada di tahap yang optimum. Berdasarkan beberapa kajian lepas terdapat banyak salah konsep berlaku terhadap topik Daya dan Gerakan. Kelemahan pelajar bagi bab ini antaranya berlaku

apabila mereka menghadapi kesukaran untuk menguasai penyelesaian masalah fizik berkaitan gambar rajah kinematik apabila wujudnya situasi apabila pelajar gagal untuk mengaitkan konsep fizik dengan fenomena harian yang sebenar dan sukar untuk membezakan fenomena yang berlainan dalam proses menghubungkan sesuatu konsep fizik berdasarkan peratusan jawapan yang salah melebihi yang betul bagi ujian soalan berkaitan topik ini. (Norbaizura, 2019). Selain itu, pelajar juga menghadapi masalah dalam menguasai konsep seperti Graviti, Impuls dan Daya Impuls serta Kesan Daya berdasarkan panduan mengenai tahap salah konsep pelajar dalam kajian lepas adalah menunjukkan bahawa konsep tersebut adalah pada tahap yang tinggi dengan peratusan terendah bagi tahap penguasaan adalah topik impuls dan daya impuls dengan hanya min bernilai 15.50%. (Ahmad Tarmimi dan Shahrul Kadri Ayop, 2016). Menurut Muhammad Reyza Arief Taqwa et al., (2020), terdapat beberapa topik ini juga menunjukkan peratusan markah yang rendah dalam kalangan pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa permasalahan yang berlaku dalam menguasai konsep dalam topik daya dan Gerakan ini adalah amat serius memandangkan topik ini sering ditanyakan dalam kertas Sijil Pelajaran Malaysia sama ada kertas 1 mahupun 2 yang melibatkan konstruk mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis dan menilai konsep. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Oleh itu, ini menunjukkan bahawa tahap penguasaan bagi konsep Daya dan Gerakan adalah amat membimbangkan.

Akhir sekali, terdapat kekurangan kajian tentang hubungan antara gaya belajar dengan tahap penguasaan pelajar sekolah menengah terhadap konsep Daya dan Gerakan. Hal ini adalah kerana terdapat banyak kajian yang dijalankan melibatkan hanya pelajar

institut pengajian tinggi atau sekolah rendah dan berfokus pada subjek lain iaitu hubungan antara gaya belajar dengan tahap penguasaan matematik sekolah rendah (Mohd Azmi Awang,2017),hubungan gaya belajar dengan tahap penguasaan pengaturcaraan di Politeknik Besut (Roshila Abdul Muutalib, Hartati Maskur,Norazlina Abdullah,2020) dan juga hubungan gaya belajar terhadap pencapaian Sejarah: sekolah menengah, (M.Kaviza,2019) yang dijalankan berdasarkan kajian-kajian lepas. Selain itu, bagi subjek Sains terdapat kajian yang hampir sama dengan tajuk yang dikaji iaitu tentang kesan gaya belajar secara koperatif dalam subjek Sains melibatkan pelajar yang berada di tahap dua sekolah rendah (Nadia Abdul Rahim et. al., 2021). Dalam kajian ini, walaupun terdapat perbincangan tentang kaitan gaya belajar dengan tahap penguasaan pelajar terhadap subjek Sains, tetapi kajian ini tidak memfokuskan hubungan antara kedua-dua pembolehubah ini secara mendalam dalam konteks pelajar sekolah menengah. Namun begitu, terdapat juga kajian yang membincangkan tentang gaya belajar dalam kalangan pelajar sekolah menengah berkaitan dengan penguasaan subjek Fizik seperti kajian umum tentang hubungan antara gaya belajar dengan tahap penguasaan pelajar terhadap Fizik oleh A.Halim et al.,(2021) dan juga kajian mengenai konsep dalam topik Daya dan Gerakan tetapi hanya bagi satu topik Impuls dan Momentum bukannya memfokuskan pada topik Daya dan Gerakan secara sepenuhnya.(I. Sintia, H. Rusnayati dan A. Samsudin , 2019). Maka, ini menunjukkan bahawa kajian tentang hubungan antara gaya belajar dengan tahap penguasaan pelajar sekolah menengah terhadap topik Daya dan Gerakan adalah sukar untuk didapati.

Oleh itu, berdasarkan masalah yang dinyatakan, maka pengkaji akan menjalankan kajian ini untuk mengenalpasti gaya belajar pelajar sekolah menengah di daerah Larut. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk mengenalpasti tahap penguasaan pelajar sekolah menengah di daerah Larut. terhadap konsep Daya dan Gerakan. Dalam kajian ini, pengkaji membuat jangkaan awal bahawa gaya belajar adalah satu indikator yang berkemungkinan mempengaruhi tahap penguasaan pelajar sekolah menengah di daerah Larut terhadap konsep Daya dan Gerakan. Selain itu, kajian ini juga akan menentukan hubungan antara gaya belajar dengan tahap penguasaan pelajar sekolah menengah terhadap konsep Daya dan Gerakan di daerah Larut.

1.4 Objektif Kajian

1. Menenal pasti gaya belajar pelajar sekolah menengah di daerah Larut.
2. Menenal pasti tahap penguasaan pelajar sekolah menengah di daerah Larut terhadap konsep Daya dan Gerakan.
3. Menentukan hubungan antara gaya belajar dengan tahap penguasaan pelajar sekolah menengah di daerah Larut terhadap konsep Daya dan Gerakan.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah gaya belajar pelajar sekolah menengah di daerah Larut ?
2. Adakah pelajar sekolah menengah di daerah Larut memiliki tahap penguasaan yang tinggi terhadap konsep Daya dan Gerakan?

3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya belajar dengan tahap penguasaan pelajar sekolah menengah terhadap Konsep Daya dan Gerakan di daerah Larut ?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis 1 (H₀₁):

Tidak wujud hubungan yang signifikan antara gaya belajar berkumpulan dengan tahap penguasaan pelajar sekolah menengah terhadap Konsep Daya dan Gerakan di daerah Larut.

Hipotesis 2 (H₀₂):

Tidak wujud hubungan yang signifikan antara gaya belajar individu dengan tahap penguasaan pelajar sekolah menengah terhadap Konsep Daya dan Gerakan di daerah Larut.

Hipotesis 3 (H₀₃):

Tidak wujud hubungan yang signifikan antara gaya belajar visual dengan tahap penguasaan pelajar sekolah menengah terhadap Konsep Daya dan Gerakan di daerah Larut.

Hipotesis 4 (H_{04}):

Tidak wujud hubungan yang signifikan antara gaya belajar muzikal dengan tahap penguasaan pelajar sekolah menengah terhadap Konsep Daya dan Gerakan di daerah Larut.

Hipotesis 5 (H_{05}):

Tidak wujud hubungan yang signifikan antara gaya belajar matematikal dengan tahap penguasaan pelajar sekolah menengah terhadap Konsep Daya dan Gerakan di daerah Larut.


1.7 Kerangka Konseptual Kajian dan Kerangka Teori Kajian

Kerangka konsep boleh didefinisikan sebagai satu pelan kajian yang kebanyakannya dihasilkan dalam bentuk grafik dan mengandungi semua pembolehubah yang terlibat dan menunjukkan kaitan antara pembolehubah secara tentatif.(Lim Chong Hin, 2007, dan Mohd Noor Badlishah Abdul Kadir,2016). Kajian ini adalah dijalankan agar dapat mengenalpasti gaya belajar pelajar sekolah menengah di daerah Larut. Selain itu, kajian ini juga adalah bagi mengenalpasti tahap penguasaan pelajar sekolah menengah terhadap konsep Daya dan Gerakan. Akhir sekali, kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara gaya belajar dengan tahap penguasaan pelajar sekolah menengah di daerah Larut terhadap konsep Daya dan Gerakan.

Menurut Hayati Ibrahim (2007), gaya belajar mempunyai lima komponen yang boleh dikaji berdasarkan Teori Kecerdasan Pelbagai Howard Gardner (1983) iaitu gaya belajar secara berkumpulan, individu, visual, muzikal dan matematikal. Kelima-lima komponen ini adalah bergantung kepada pemilihan pelajar sendiri yang akan menentukan sama ada mempengaruhi belajar mereka ataupun tidak. Hal ini adalah seperti yang dinyatakan dalam model VAK iaitu gaya belajar visual (melihat gambar atau video), auditori (bacaan yang kuat ,mendengar rakaman pembelajaran) dan kinestetik (melalui pengalaman dan aktiviti fizikal). (Noorharinie Rahimin dan Normalini Mansor,2022). Selain itu, terdapat teori yang menyokong pemboleh ubah gaya belajar ini iaitu teori pembelajaran Sosial Bandura, yang memerihalkan bahawa proses sesuatu pembelajaran mempunyai tiga elemen yang mempengaruhi hasil pembelajaran iaitu individu pelajar itu sendiri, rakan-rakan di sekelilingnya serta keadaan persekitaran. (Mohd Shahir Mohamed Sunar,2019). Bagi tahap penguasaan konsep Daya dan Gerakan pula, Teori Pembelajaran Kognitivisme dijadikan sebagai rujukan. (Bruner dan Simon, 1950). Hal ini adalah kerana menerusi teori ini telah diterangkan bahawa seseorang pelajar akan menghadapi suatu proses pengajaran dan pembelajaran dengan bertindak menghasilkan kod tentang kesemua pengalaman yang telah diperoleh dan maklumat tersebut akan disimpan sama ada dalam ingatan jangka pendek mahupun ingatan jangka panjang. Menurut Kamarudin (2003), Teori Pembelajaran Kognitivisme atau kognitif ini merangkumi suatu proses pada mental seseorang yang membawa impak pada tingkah laku individu dari segi penguasaan kemahiran berfikir. Teori kognitif ini dipilih kerana menerangkan secara mendalam bahawa penguasaan sesuatu konsep dalam pembelajaran akan merangkumi beberapa

proses iaitu penanggapan, pembinaan konsep, penaakulan, penilaian dan penyelesaian masalah. (Baharuddin et al.2002).

Seterusnya, apabila menerangkan tentang kerangka konseptual kajian, ini adalah merangkumi dua pemboleh ubah iaitu gaya belajar serta tahap penguasaan pelajar sekolah menengah terhadap konsep Daya dan Gerakan. Gaya belajar adalah pemboleh ubah tidak bersandar manakala pemboleh ubah bersandar ialah tahap penguasaan pelajar sekolah menengah di daerah Larut terhadap konsep Daya dan Gerakan. Instrumen yang dijadikan sebagai alat untuk mengkaji kedua-dua pemboleh ubah ini adalah borang soal selidik iaitu bagi gaya belajar adalah menggunakan Instrumen Gaya Belajar Pelajar Fizik (IGBF) yang diadaptasi daripada Hayati Ibrahim (2007) manakala bagi tahap penguasaan konsep Daya dan Gerakan adalah Inventori Konsep Daya SPM (*Force Concept Inventory SPM (FCIspm)*). (Ahmad Tarmimi,2016). Berdasarkan rajah kerangka konsep kajian 1.1, pengkaji perlu mengenalpasti gaya belajar pelajar sekolah menengah di daerah Larut terlebih dahulu dan seterusnya mengkaji tahap penguasaan pelajar sekolah menengah terhadap konsep Daya dan Gerakan. Hal ini adalah untuk pengkaji menentukan adakah wujud hubungan yang signifikan bagi gaya belajar dengan tahap penguasaan pelajar sekolah menengah di daerah Larut terhadap konsep Daya dan Gerakan ini.



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian

1.8 Kepentingan Kajian

Hasil daripada dapatan kajian ini diharapkan akan dapat menyumbang kepada usaha untuk meningkatkan jumlah sumber rujukan bagi tinjauan literatur mengenai hubungan antara gaya belajar dengan tahap penguasaan pelajar sekolah menengah terhadap konsep Daya dan Gerakan di daerah Larut. Di samping itu, kajian ini juga diharapkan berupaya untuk menjadi medium dalam menyampaikan maklumat penting kepada beberapa pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan seperti pelajar, warga pendidik(guru) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) agar mengorak langkah untuk membina satu inisiatif baru dalam usaha meningkatkan tahap penguasaan pelajar sekolah menengah di daerah Larut untuk konsep Daya dan Gerakan.

1.8.1 Pelajar

Kajian ini bertindak sebagai salah satu cara untuk membantu pelajar mengetahui gaya belajar yang sesuai dengan diri masing-masing untuk membantu mereka menguasai sesuatu konsep Fizik. Hal ini adalah untuk memberi peluang kepada para pelajar untuk mendalami tentang gaya belajar yang sesuai bagi mana-mana subtopik bagi konsep Fizik seperti konsep Daya dan Gerakan memandangkan topik ini lebih kepada eksperimen, konsep dan pengiraan. Sebagai contoh, pelajar A memilih untuk belajar secara individu semasa menyelesaikan pengiraan bagi subtopik Momentum misalnya kerana lebih fokus dan mudah difahami. Hal ini menunjukkan betapa penting untuk menyesuaikan gaya belajar dengan diri pelajar bagi mencapai keberkesanan tahap penguasaan pembelajaran

mengenai konsep Fizik. Oleh itu, apabila gaya belajar pelajar adalah sesuai, maka ini secara tidak langsung akan dapat meningkatkan tahap penguasaan dalam topik yang dikaji.

1.8.2 Guru

Menerusi kajian yang akan dijalankan, guru akan dapat mengenal pasti gaya belajar pelajar dan tahap penguasaan terhadap konsep Fizik secara terperinci. Hal ini akan memberi peluang kepada guru untuk menilai dan merangka semula cara pengajaran mereka semasa sesi pengajaran dan pembelajaran(PdPc) di dalam bilik darjah adalah dapat memenuhi keperluan pelajar yang mempunyai perbezaan jenis gaya belajar sama ada secara individu, berkumpulan, muzikal, auditori mahupun visual serta mempunyai tahap penguasaan yang berbeza bagi konsep Fizik . Hal ini adalah bagi menarik minat pelajar untuk fokus semasa diajar di dalam kelas jika mencapai keperluan gaya belajar dan tahap penguasaan mereka. Maka, guru akan dapat memahami dengan lebih jelas tentang gaya belajar pelajar serta tahap penguasaan pelajarannya terhadap konsep Fizik yang disampaikan semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

1.8.3 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Kajian yang akan dihasilkan ini adalah untuk menyalurkan maklumat dengan lebih mendalam tentang gaya belajar dan hubungannya dengan tahap penguasaan terhadap konsep Fizik. Maka, melalui kajian ini akan dapat menambahkan lagi bahan rujukan

kepada pihak KPM yang akan memudahkan pihak berkenaan untuk mendapatkan data tentang gaya belajar yang sesuai dengan pelajar sekolah menengah masa kini dan tahap penguasaan mereka terhadap konsep Fizik. Maka, pihak KPM akan dapat menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai mengikut gaya belajar pelajar.

1.9 Limitasi/Skop Kajian

Kajian adalah dijalankan dengan membuat andaian tentang beberapa batasan kajian.

Antaranya ialah :

1.9.1 Skop Kajian

Skop kajian adalah memfokuskan mengenai hubungan antara gaya belajar dengan tahap penguasaan konsep Daya dan Gerakan. Maka, kajian ini menunjukkan bahawa skopnya sangat terbatas dalam satu topik Fizik sahaja.

1.9.2 Populasi Kajian

Kajian ini hanya berfokus kepada pelajar sekolah menengah dalam daerah Larut, Perak. Selain itu, bilangan sampel yang diambil adalah melibatkan 85 orang pelajar tingkatan tiga dan empat di sebuah sekolah menengah yang disaring menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Hal ini menunjukkan bahawa sampel kajian yang dikaji adalah bersifat amat terhad dan melibatkan sebahagian bilangan yang kecil sahaja. Maka dengan itu, hasil

kajian ini tidak dapat menunjukkan data tentang kesemua pelajar yang mengambil mata pelajaran Sains atau Fizik di negara ini.

1.9.3 Instrumen Kajian

Seterusnya, bagi mendapatkan maklumat yang tepat adalah berpandukan kepada sifat jujur bagi setiap responden dalam menjawab soal selidik yang diberikan. Bagi mengumpul data dengan baik, maka kaedah pengumpulan data adalah secara soal selidik menggunakan dua instrumen yang digabungkan iaitu yang pertama ialah Instrumen Gaya Belajar Fizik (IGBF) bagi menilai gaya belajar pelajar sekolah menengah dan instrumen Inventori Konsep Daya SPM (*Force Concept Inventory Spm* (FCIspm)) yang berfungsi dalam menentukan tahap penguasaan pelajar sekolah menengah terhadap konsep Daya dan Gerakan di daerah Larut.

Maka, kajian ini hanya dapat digeneralisasikan mengikut kajian yang memiliki ciri yang sepadan sahaja.

1.10 Definisi Operasi

Kajian dijalankan berdasarkan definisi operasi berikut:

1.10.1 Gaya Belajar

Menurut Farah Wazera Mohamed Jaafer Sadiq dan Mohammad Mujaheed Hassan. (2021), gaya belajar didefinisikan sebagai cara atau stail pembelajaran seseorang individu yang

dinyatakan berpadanan dengan pendapat dalam psikologi pendidikan sebagai kaedah seseorang pelajar menumpukan perhatian dan bertindak untuk memproses dan mendapatkan maklumat, ilmu pengetahuan serta pengalaman tentang perkara yang baru. Menurut Al-Zayed (2017) gaya belajar adalah suatu yang lebih tertumpu kepada cara pelajar belajar dan bukannya tentang perkara yang mereka pelajari. Nadia Abdul Rahim et al (2021) pula menyatakan bahawa gaya belajar adalah satu personaliti atau gaya yang dipraktikkan berdasarkan gaya belajar sedia ada yang wujud dalam diri masing-masing sepanjang proses pembelajaran.

Selain itu, menurut model gaya belajar oleh Fernald, Keller, Orton, Gillingham, Stillman dan Montessorri (1920) terdapat pembahagian dalam gaya belajar yang melibatkan tiga aspek utama iaitu gaya belajar secara visual, gaya belajar auditori dan gaya belajar kinestetik.

Menurut Hayati Ibrahim (2007) yang menjadi rujukan utama bagi definisi operasi gaya belajar kajian ini, gaya belajar dapat dibahagikan kepada lima dimensi iaitu gaya belajar berkumpulan, gaya belajar secara individu, gaya belajar secara visual, gaya belajar matematikal dan gaya belajar secara muzikal. Gaya belajar secara berkumpulan adalah berdasarkan gaya belajar secara interpersonal yang membawa maksud keupayaan seseorang itu untuk bekerja dan cara mereka belajar secara koperatif. Selain itu, bagi gaya belajar secara individu adalah merujuk kepada gaya belajar intrapersonal atau secara sendiri yang merupakan kebolehan seseorang untuk memahami diri sendiri dan bertindak berdasarkan maklumat tentang diri mereka manakala bagi gaya pembelajaran secara

visual pula adalah didefinisikan sebagai gaya belajar menggunakan deria melihat pada perkataan dalam buku atau pada papan tulis tanpa mempunyai keperluan yang tinggi untuk mendapatkan penerangan lisan, suka akan gambaran berbentuk visual, menonton lakonan atau video yang menggambarkan sesuatu maklumat. Seterusnya, gaya belajar muzikal adalah gaya belajar yang melibatkan keupayaan menghasilkan dan menghargai irama, nada dan bentuk-bentuk ekspresi muzik manakala bagi gaya belajar matematikal adalah melibatkan gaya belajar logik-matematik yang membolehkan pelajar untuk belajar dengan cara menyelesaikan masalah-masalah matematik dan sains, suka akan pepadanan, matematik, sains, silang kata serta penyelesaian masalah.

Dalam kajian ini, gaya belajar pelajar Fizik merujuk kepada jawapan responden dalam soal selidik pada bahagian B yang merangkumi lima dimensi iaitu gaya belajar berkumpulan, gaya belajar individu, gaya belajar visual, gaya belajar muzikal dan gaya belajar matematikal. Instrumen untuk menilai gaya belajar ini adalah dengan menggunakan Instrumen Gaya Belajar Fizik (IGBF) yang mempunyai 24 item yang berbentuk skala likert empat mata.

1.10.2 Tahap Penguasaan

Tahap penguasaan adalah suatu perkataan yang masih belum mempunyai definisi yang kukuh dan tetap kerana membawa banyak pengertian berbeza berdasarkan kajian penyelidikan lepas. Menurut Aminah Ali (2010), tahap penguasaan ini adalah berkaitan kemampuan pelajar untuk menguasai ilmu pengetahuan pada fasa tertentu terhadap

konsep sebelum meneruskan proses pembelajaran tersebut ke peringkat yang lebih tinggi. Hal ini adalah berkait rapat dengan kefahaman pelajar yang tinggi tentang berbagai konsep, teori, dan hukum yang saling berkait antara satu sama lain. (Baharuddin Aris dan Norsyafrina Abd Rahman, 2010). Dalam erti kata lain, tahap penguasaan ini dapat diertikan sebagai suatu pencapaian fasa pemahaman tertentu berkaitan dengan isi kandungan yang khusus manakala kompetensi adalah keupayaan diri untuk menerapkan kandungan yang telah dikuasai. (Mosher,2007). Menurut Hafizah. (2015) pula, pencapaian akademik pelajar merupakan suatu perkara yang berkait rapat dengan peringkat kecemerlangan seseorang individu atau menunjukkan sejauh mana seseorang itu dapat menguasai ilmu yang telah dipelajari berpandukan kepada skor nilai tertinggi yang dikumpul olehnya.

Dalam kajian ini, menurut Nor Aida Yanti Mohd Samsudin et al., (2013), tahap penguasaan pelajar terhadap sesuatu konsep adalah berdasarkan tahap peratusan markah diterima sama ada pada tahap penguasaan cemerlang, baik, sederhana, lemah dan sangat lemah.

Maka, melalui kajian ini, tahap penguasaan pelajar adalah berdasarkan maklum balas pelajar di borang soal selidik pada bahagian C iaitu instrumen Force Inventory Concept spm (FCIspm) dengan 22 item yang akan menilai sama ada pelajar mempunyai penguasaan yang cemerlang, baik, sederhana, lemah atau sangat lemah bagi konsep yang terlibat iaitu Konsep Gerakan Linear, Kesan Daya, Impuls dan Daya Impuls, Gravitasi dan Keseimbangan Daya.

1.11 Rumusan

Kesimpulannya, bab ini telah membincangkan tentang kerasionalan kajian ini dilakukan. Selain itu, terdapat objektif kajian, persoalan kajian dikenalpasti dan dikeluarkan melalui pernyataan masalah serta satu hipotesis telah dikemukakan untuk kajian ini berdasarkan rujukan artikel. Selain itu, pengkaji juga telah menyatakan beberapa kepentingan kajian dalam skop individu penting yang terlibat dan menutup bab ini dengan penulisan tentang definisi istilah yang digunakan menerusi kajian ini.